

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.03.2018

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kedudukan tanah 1MDB yang dibeli oleh Aroma Teraju pada tahun 2015 dengan harga RM250 juta. Apakah rasional pembelian tanah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap Perjanjian Jual Beli adalah tertakluk kepada fasal kerahsiaan (*confidentiality clause*, dengan izin) untuk menghormati pertimbangan komersial (*comercial consideration*, dengan izin) pembeli dan penjual. Beberapa transaksi penjualan tanah juga mempunyai terma-terma utama yang berbeza (*key terms*, dengan

izin) untuk mencerminkan perbezaan bagi setiap jualan (*nature of each sale*, dengan izin). Namun demikian, terma-terma utama yang diguna pakai secara amnya konsisten dengan apa yang biasanya terdapat di pasaran bagi jenis urus niaga yang sama.

Tuan Yang Pertua,

Tanah pembangunan di Tun Razak Exchange (TRX) dijangkakan akan meningkat nilai setelah selesai proses pembinaan infrastruktur dan penjualan baki tanah. Di samping itu, selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mewujudkan satu ekosistem daerah kewangan yang global dan kondusif di TRX, adalah penting untuk memastikan bahawa institusi tempatan ("GLC/GLIC"), Jabatan Kerajaan, badan kawal selia dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan mendapat peluang untuk bertapak di TRX